

436 wanita dikesan menjadi keldai akaun

Kuala Selangor: Sejumlah 1,364 individu dengan 436 daripadanya wanita, ditahan kerana terbabit sindiket keldai akaun di Selangor dalam tempoh enam bulan hingga Jun lalu.

Ketua Polis Selangor Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, sebahagian daripada suspek yang ditahan berusia lingkungan 20-an hingga 40-an, dan ramai mangsa suri rumah.

Katanya, daripada jumlah itu, 60 peratus pertuduhan telah dibawa ke mahkamah kerana membenarkan akaun bank digunakan untuk aktiviti jenayah.

“Mereka mungkin terpengaruh dengan tawaran diberikan, antaranya imbuhan RM100 hingga RM600 setiap kali penjenayah meminta menggunakan seca-

ra sewa akaun bagi tujuan penipuan kewangan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Taman Angkat Skuad Aman Wanita (Amanita) Kontinjen Selangor di Taman Penggawa, di sini, semalam.

Arjunaidi berkata, antara modus operandi sindiket adalah mencari mangsa di laman sosial dan kebanyakan mangsa tidak mengenali mengenali suspek, namun berani memberi nombor akaun bank untuk disewa.

Menurutnya, ada mangsa turut memberikan kad ATM kepada sindiket pinjaman wang tidak berlesen, selain individu terbabit dalam keldai akaun pernah menjadi mangsa sebelum ini.